

Pakar alam sekitar ramal tanah tinggi makin terik

KOSMO 14/12/02 MK 11

Trend ciptaan manusia

“SEMUA punca daripada manusia sendiri, alam cuma tunggu masa untuk bertindak,” ungkap spontan seorang pakar alam tempatan, Prof. Dr. Mazlin Mokhtar ketika dihubungi.

Pengarah Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (Lestari) di Universiti Kebangsaan Malaysia itu menambah, fenomena suhu kawasan tanah tinggi semakin panas juga disebabkan sikap tamak manusia.

“Kita tidak nafikan, kawasan ais ekstrem seperti di benua Antartika pun akan mencair tetapi hakikatnya, pemanasan global yang dicipta manusia adalah punca utama,” tegasnya.

Tambah Mazlin, keluasan kawasan yang diteroka, jumlah penduduk serta aktiviti yang dijalankan bebas di kawasan tanah tinggi adalah penyumbang utama kepada cuaca panas.

Dengan kepesatan pembangunan seperti di Bukit Bendera, Bukit Larut dan Bukit Fraser, tidak mustahil tempat itu bakal kehilangan keistimewaan sebagai kawasan sejuk di Malaysia.

Cameron Highlands misalnya pernah mencatatkan suhu 10 darjah Celsius dua dekad lalu tetapi pembukaan tanah tanpa kawalan menyaksikan suhu naik kepada 28 darjah Celsius.

Mujur pihak berkuasa tempatan di situ bertindak pantas dan kini suhu bukit peranginan tersebut daripada



KERJA pembersihan hutan di kawasan berbukit tanpa kawalan antara faktor utama kejadian tanah runtuh mudah berlaku. - Gambar hiasan

serendah 17 pada awal pagi hingga 23 darjah Celsius menjelang masuk waktu tengah hari.

Malah ujar Mazlin lagi, penerokaan secara terancang seharusnya telah lama dilakukan oleh pelbagai pihak bagi mengekalkan imej keadaan malar sejuk di tempat berkenaan.

“Namun, cara itu seolah-olah tidak

praktikal bagi sesetengah pihak pemaju kerana pelbagai faktor termasuklah kos yang tinggi menyebabkan projek pembangunan terbengkalai.

“Justeru jalan paling mudah ialah melakukan penebangan hutan secara total,” katanya sambil berharap pihak berkuasa menjadikan tragedi di Bukit Antarabangsa sebagai iktibar.